

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN

TARIKH 11 BULAN 06 TAHUN 2024

SH 11/6/2024 m/s 9.

Kerajaan kaji undang-undang penggunaan plastik

KUALA NERUS - Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam sedang mengkaji undang-undang bersesuaian bagi mengurangkan penggunaan plastik susulan pencemaran bahan tersebut di negara ini.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, langkah itu penting bagi memastikan pencemaran plastik dapat ditangani secara lebih berkesan berikutan ia dijangka mencapai tahap kritikal dengan jumlah sampah yang banyak terdapat di laut menjelang 2025.

Menurutnya, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah termasuk memasang *log boom* atau perangkap sampah sebagai usaha menghalang sampah tersebut daripada masuk ke dalam laut.

"Kita nak kutip banyak mana pun sampah memang akan ada hadnya. Kalau buat perangkap sampah perlu ada penyelenggaraan di mana ada orang datang bersihkan dan jika tidak bersih maka akan menimbulkan masalah seperti banjir dan sebagainya.

"Sebab itu kita sedang lihat apakah satu dasar boleh dibuat. Kita sudah ada hala

tuju ke arah atau ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 dan juga Malaysia's Plastics Sustainability Roadmap 2021 - 2030.

"Jadi kita nak tengok adakah boleh buat satu perundangan di peringkat nasional untuk kita kurangkan sisa plastik di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika sidang akhbar selepas Program Jelajah Kelestarian Alam Santuni Golongan Belia di Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Nik Nazmi berkata, penggunaan plastik sekali guna hanya pada tempoh yang singkat namun kesannya kepada alam sekitar pada jangka masa yang Panjang.

"Plastik sekali guna ini hanya diguna beberapa minit sebagai contoh botol air mineral, bungkusan dan sebagainya.

"Jadi kalau kita ada alternatif lain kurangkan penggunaan bungkusan (plastik) dengan memakai bahan dipakai semula adalah lebih baik," ujarnya lagi.



Nik Nazmi (tengah) mendengar taklimat di Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) UMT pada Isnin.